

**JEMAAH TABLIGH DI KG.DESA PAHLAWAN, AYER
HITAM, JOHOR: SATU KAJIAN KES TENTANG
STRUKTUR ORGANISASI, PERANAN DAN
PENERIMAAN SOSIAL**

**ZUHAIRY BIN ZOLKIPLE
HA 2006-1497**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**LATIHAN ILMIAHINI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL
DENGAN KEPUJIAN**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
MEI 2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4000017059

183242



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: YEMAAH TABLIGH DI KG DESA PAHLAWAN, AYER HITAM, JELOR
SAIN KAJIAN CFS TENTANG STRUKTUR ORGANISASI, PERANAN DAN
PENERIMAAN SOSIAL.
 IJAZAH: SERTAMA Muadz SAINS SOSIAL

SAYA ZUHAIRY BIN ZOLKIDLE SESI PENGAJIAN: 2009
 (HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

Zuhairy
 (TANDATANGAN PENULIS)

Ley
 (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

DN. JAHIRAH BINTI MOHD. SHAFIE
 Nama Penyelia

Tarikh: 25 Mei /09

Tarikh: 25 Mei /2009

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penelitian atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS



1400017059

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

Kajian bertajuk "Jemaah Tabligh Di Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam, Johor: Satu Kajian Kes Tentang Struktur Organisasi, Peranan Dan Penerimaan Sosial" ini dikemukakan bagi memenuhi syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Sosiologi Dan Antropologi Sosial).

DISAHKAN OLEH,



(PUAN JALIHAH BINTI MD. SHAH)

PENYELIA

PROGRAM SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu ingin saya ucapkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T., kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan penulisan ini. Dengan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak dan individu atas sumbangan mereka terhadap penulisan ini.

Pertamanya, ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Jalilah binti Md. Shah atas kesudian beliau untuk menyelia dan memberi tunjuk ajar yang tidak terkira dalam menghasilkan penulisan ini. Tidak kurang juga sokongan moral yang padu daripada beliau sehingga penulisan ini berjaya dihasilkan.

Selain itu, ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Hasan Mat Nor kerana sudi memberi idea dan sumbang saran di awal kajian ini dilaksanakan. Seterusnya, juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Rosazman Hussin, En. Paul Porodong, Dr. Kntayya Mariapan, Prof. Madya Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan, Prof. Madya Dr. Fadzilah Majid-Cooke, Dr. Dayang Suria Hj. Mulia dan En. Roslee bin Hj. Abbas yang telah banyak memberi komen membina serta sokongan kepada penulis dalam menyiapkan penulisan ini.

Akhir sekali, tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga tercinta yang sentiasa memahami dan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam penghasilan penulisan ini. Semoga penulisan ini akan dapat memberi manfaat dan sebagai salah satu sumbangan yang kecil dalam dunia akademik.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti peranan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jemaah Tabligh, khususnya di Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Di samping melihat peranannya terhadap masyarakat, kajian ini juga cuba mengenalpasti struktur dan corak penglibatan ahli-ahli dalam Jemaah Tabligh. Dalam pada masa yang sama, penyelidikan ini juga bertujuan untuk memahami penerimaan sosial masyarakat terhadap program dakwah yang disampaikan oleh Jemaah Tabligh. Sebagai rumusan daripada keseluruhan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa Jemaah Tabligh bukan sahaja berperanan dalam konteks agama sahaja. Bahkan, ia juga mempunyai fungsi yang besar dalam mewujudkan perpaduan dalam masyarakat di kampung tersebut. Seterusnya, penyelidikan ini turut mendapati bahawa Jemaah Tabligh mempunyai struktur organisasi yang tersendiri walaupun ia bukanlah sebagai satu pertubuhan yang berdaftar. Manakala, dalam aspek penerimaan sosial pula penyelidikan ini mendapati masyarakat di kampung tersebut menerima dengan selesa kegiatan yang dijalankan oleh jemaah dakwah tersebut.



ABSTRACT

This research attempts to examine the role and activities of Jemaah Tabligh particularly in Kg. Desa Pahlawan, Ayer Hitam, Johor. Besides look at their roles to society, this research also seeks to understand the organization structure of Jemaah Tabligh. This research also attempts to understand the social expectation towards Jemaah Tabligh activities. In conclusion, the researcher found that Jemaah Tabligh is not only function as religion organization. But also has a function to made social solidarity among society in that village. This research also found that Jemaah Tabligh has their own organization structure, although it was not registered. In the context of social expectation this research found that society accepted the activity by Jemaah Tabligh in that village.

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
Jadual 1.1 : Informan Yang Terlibat Dalam Temubual Bersemuka.	11
Jadual 3.1 : Profail Penduduk Kampung Desa Pahlawan	36
Jadual 3.2 : Maklumat Responden Mengikut Jantina	40
Jadual 3.3 : Maklumat Responden Mengikut Status Perkahwinan	42
Jadual 3.4 : Responden Mengikut Umur	44
Jadual 3.5 : Responden Mengikut Umur Ketika Mula Terlibat Dalam Jemaah Tabligh.	45
Rajah 3.6 : Latar belakang Pendidikan Responden	48
Jadual 3.7 : Responden Mengikut Bidang Pekerjaan	50
Jadual 3.8 : Maklumat pendapatan responden	51
Jadual 5.1 : Maklumat Tentang Responden Yang Mempunyai Ahli Keluarga Dalam Jemaah Tabligh Atau Tidak	82



SENARAI RAJAH**HALAMAN**

Rajah 5.1 : Carta Organisasi Jemaah Tabligh Peringkat Malaysia	68
Rajah 5.2 : Carta Organisasi Jemaah Tabligh Peringkat Negeri Johor	70
Rajah 5.3 : Carta Organisasi Jemaah Tabligh Peringkat Ayer Hitam	72
Rajah 5.4 : Carta Organisasi Jemaah Tabligh Peringkat Marhalah	77



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii

BAB 1 : PENGENALAN

1.1: Pendahuluan	1-3
1.2: Permasalahan Kajian	3-4
1.3: Objektif	4
1.4: Kepentingan Kajian	5
1.5: Skop Kajian	6
1.6: Konsep Kajian	7-10
1.7: Metodologi Kajian	11-13
1.8: Teori	14-15
1.9: Kesimpulan	15

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.1: Pengenalan	16-17
2.2: Beberapa Kajian Lepas Tentang Organisasi Dakwah Islam	17-27
2.3: Kajian-kajian Lepas Mengenai Organisasi Keagamaan	27-31
2.4: Kesimpulan	31-32



BAB 3 : LATAR BELAKANG RESPONDEN DAN LOKASI KAJIAN

3.1: Pengenalan	33
3.2: Sejarah Lokasi Kajian	34-39
3.3: Profail Responden	39-49
3.4: Latar belakang Sosioekonomi Responden	49-52
3.7: Kesimpulan	53

BAB 4 : SEJARAH DAN PERKEMBANGAN JEMAAH TABLIGH DI JOHOR

4.1: Pengenalan	54
4.2: Sejarah Awal Penubuhan Jemaah Tabligh	54-55
4.3: Sejarah Jemaah Tabligh di Malaysia	56-58
4.4: Latar belakang Jemaah Tabligh di Johor	58-60
4.5: Sejarah Kemunculan Jemaah Tabligh di Ayer Hitam	60-62
4.6: Kesimpulan	62-63

BAB 5 : STRUKTUR, KAEDAH PENYEBARAN DAKWAH DAN PENGLIBATAN AHLI JEMAAH TABLIGH

5.1: Pengenalan	64-65
5.2: Struktur Organisasi Jemaah Tabligh	66-80
5.3: Corak Penglibatan Ahli	81-84
5.4: Strategi dakwah yang digunakan	85-95
5.5: Kesimpulan	95-96



**BAB 6 : PERANAN JEMAAH TABLIGH DALAM MASYARAKAT
DAN PENERIMAAN SOSIAL**

6.1: Pengenalan	97
6.2: Peranan Jemaah Tabligh Dalam Masyarakat Menerusi Anjuran Aktiviti Keagamaan	98-100
6.3: Peranan Jemaah Tabligh Dalam Aktiviti Bukan Keagamaan	101-103
6.4: Penerimaan Sosial Masyarakat Setempat Terhadap Jemaah Tabligh	103-109
6.5: Kesimpulan	109-110

BAB 7 : PENUTUP

7.1: Rumusan	111-116
7.2: Cadangan	116
7.3: Limitasi kajian	116-117

RUJUKAN 120-125

LAMPIRAN 126



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Peristiwa bangunan *World Trade Centre* di Amerika Syarikat dirempuh oleh sebuah pesawat komersial pada tanggal 11 September 2001 sememangnya telah memberi impak yang amat besar kepada seluruh penduduk dunia. Ia bukan sahaja melibatkan kematian beribu-ribu manusia dan fenomena kejatuhan ekonomi dunia, malahan ia telah menjadi titik tolak kepada terbentuknya tanggapan negatif terhadap organisasi dan pergerakan dakwah Islam. Bermula dengan pemburuan Osama Laden yang dikatakan sebagai dalang kepada senario ini menjadikan seluruh dunia mengecam segala bentuk pergerakan dakwah Islam (Mohd Izani Mohd Zain, 2007 : 48 - 49). Kini, negara barat khususnya Amerika Syarikat semakin giat memerhati setiap gerak-geri pergerakan atau organisasi yang membawa mesej Islam. Selepas peristiwa 11 September 2001, pelbagai insiden berlaku yang semakin memburukkan imej agama Islam itu sendiri. Misalnya, kejadian pengeboman berani mati di Bali, pengeboman di Pakistan dan India telah menjadikan tanggapan *prejudice* terhadap organisasi atau pertubuhan Islam semakin meruncing hari demi hari (Mohd Shukri, 2008 : 36-47).

Persoalannya, adakah benar organisasi Islam menjana keganasan? Disebabkan isu yang semakin menjadi polemik inilah, maka penyelidik tertarik untuk menjalankan kajian tentang organisasi dakwah Islam khususnya Jemaah Tabligh di Malaysia. Hal ini kerana, penyelidik merasakan bahawa konsep organisasi yang lazimnya dikaitkan dengan organisasi politik, organisasi industri dan kilang, tidak sempurna jika tidak diselitkan dengan perbincangan tentang organisasi agama

terutama organisasi dakwah Islam. Bagi penyelidik, organisasi agama juga merupakan salah satu entiti sosial yang penting dalam masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan dan keteraturan sosial dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan institusi-institusi sosial yang lain, institusi agama adalah sebuah institusi yang tidak jauh berbeza dari aspek pembentukan organisasinya khususnya organisasi dakwah. Misalnya, jika dilihat kepada organisasi industri (kilang), pembentukan organisasinya bersifat jelas, teratur dan bersistem (dalam konteks undang-undang pekerjaan) dan ada yang bersifat formal mahupun tidak formal (Scott, 2003 : 9-10).

Situasi ini juga wujud di dalam organisasi agama, di mana ada yang bersifat formal dan ada juga yang bersifat tidak formal. Bagi organisasi agama yang formal, ia adalah jelas pembentukannya dan mudah dikenalpasti melalui jabatan-jabatan agama di seluruh negara. Keraguan masyarakat tidak timbul kerana ia adalah organisasi yang sah dalam konteks undang-undang negara. Namun, bagi organisasi agama yang tidak formal, ia kadang kala menimbulkan pelbagai persoalan. Di antaranya ialah, bagaimana organisasi tersebut dibentuk? Apakah faktor-faktor yang mendorong pembentukannya? Apakah elemen yang menjadi pengikat kepada ahlinya sehingga ia mampu bertahan dalam masyarakat, khususnya di zaman moden ini? Apakah peranannya di dalam masyarakat, dan bagaimana penerimaan masyarakat ke atas organisasi sedemikian?

Maka, persoalan-persoalan inilah yang akan dijelaskan oleh penyelidik melalui kajian yang telah dijalankan ke atas sebuah organisasi agama yang tidak formal, iaitu sebuah gerakan dakwah yang dikenali sebagai Jemaah Tabligh. Walaupun ia tidak tersenarai di dalam organisasi dakwah yang dikelolakan oleh kerajaan pusat mahupun kerajaan negeri, namun ia mampu beroperasi seiring dengan organisasi dakwah formal yang lain seperti Majlis Hal-Ehwah Agama Islam Negeri, Yayasan

dakwah Islamiah (YADIM), United Sabah Islamic Association (USIA), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Kebajikan Islam SeMalaysia (PERKIM) dan pelbagai lagi (Mahayudin, 2001 : 238).

1.2. Permasalahan Kajian

Apabila membicarakan tentang hal-ehwal organisasi, lazimnya skop pemikiran masyarakat dan para pengkaji sosial khususnya akan bertumpu kepada organisasi industri dan politik. Jarang sekali perbincangan tentang isu organisasi dikaitkan dengan organisasi agama khususnya organisasi dakwah. Namun, organisasi dakwah merupakan salah satu organisasi sosial yang perlu diberi perhatian. Hal ini kerana, organisasi dakwah juga adalah salah satu komponen yang merupakan sebahagian daripada struktur sosial sekaligus mampu menyeimbangkan keteraturan sosial masyarakat (Turner *et al.*, 1998 : 268-271).

Walau bagaimanapun, ia jarang dibincangkan kerana norma masyarakat kita hari ini sering menganggap organisasi dakwah terkecuali dan terasing daripada organisasi sosial yang lain kerana ia dilihat sebagai bersifat teologi dan spiritual semata. Malahan, kadang kala isu organisasi dakwah Islam dilihat lebih menjurus kepada aspek *terrorism* (White, 2003 : 42-43). Natijahnya, kefahaman terhadap organisasi dakwah semakin berkurangan dan sempit.

Maka, penyelidik merasakan bahawa kajian terhadap organisasi dakwah khususnya Jemaah Tabligh mampu memberi penjelasan kepada masyarakat umum tentang peranannya di dalam sistem sosial yang mampu mengimbangi keteraturan sosial dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak bertumpu kepada aspek teologi atau spiritual yang dilakukan oleh gerakan dakwah tersebut. Tetapi

lebih melihat kepada struktur organisasi ini dari aspek perkembangannya, modus operandinya serta hubung kaitnya dengan tanggapan sosial masyarakat setempat.

1.3. Objektif Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik telah menetapkan tiga objektif antaranya seperti berikut:

1.3.1. Mengenalpasti peranan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jemaah Tabligh.

1.3.2. Mengenalpasti struktur dan corak penglibatan ahli-ahli dalam Jemaah Tabligh.

1.3.3. Memahami penerimaan sosial masyarakat terhadap program dakwah yang disampaikan oleh Jemaah Tabligh.



1.4. Kepentingan Kajian

Di antara komponen yang penting dalam sesebuah penyelidikan adalah kepentingan kajian. Menurut Sidek Mohd Noah (2002 : 128), kepentingan kajian merujuk kepada dua aspek. Pertama, ia merupakan sumbangan hasil daripada dapatan kajian yang sekaligus memberi penambahan ke atas ilmu pengetahuan dan teori. Kedua, ia merujuk kepada sumbangan dapatan kajian kepada pihak-pihak tertentu iaitu lebih kepada aspek aplikasi keputusan yang akan diperoleh kepada individu, institusi dan agensi yang terlibat dalam kajian yang dijalankan.

Maka, dalam kajian ini terdapat empat kepentingan kajian yang telah dikenalpasti. Pertama, kajian yang dijalankan ini membolehkan maklumat terperinci tentang aktiviti dan struktur organisasi Jemaah Tabligh diperolehi.

Selain itu, kajian yang dilaksanakan ini juga dapat mengenalpasti kepentingan gerakan dakwah dalam konteks zaman moden khususnya di Malaysia. Kepentingan kajian yang seterusnya adalah dapat memahami cabaran kegiatan dakwah Jemaah Tabligh dalam era globalisasi. Kajian ini dijangka berupaya memberi kesimpulan tentang sejauhmana sesebuah gerakan agama seperti Jemaah Tabligh dapat meneruskan kelangsungan perjuangannya dan kemandirian di zaman moden yang mencabar.

Akhir sekali, hasil daripada kajian yang dilaksanakan ini dapat meramal hala tuju pandang dunia (*world view*) masyarakat hari ini terhadap isu-isu agama, khususnya tentang isu organisasi dakwah Islam.

1.5. Skop Kajian

Skop kajian adalah merujuk kepada populasi kajian yang hendak dikaji dan bertujuan mengklasifikasi sesuatu kajian sekaligus membantu penyelidik menentukan cara pengumpulan data. Ia boleh berbentuk individu, kumpulan, organisasi atau artifak sosial (Sabitha Marican, 2005 : 263). Maka dalam kajian ini, terdapat dua kumpulan sosial yang dikelasifikasikan sebagai skop kajian, iaitu organisasi Jemaah Tabligh dan masyarakat setempat.

Kajian ini telah dijalankan di Surau An-Najjah, Kampung Desa Pahlawan, Jalan Kluang-Batu Pahat, Johor. Seramai 30 orang ahli Jemaah Tabligh kampung ini menjadi responden kajian. Ia melibatkan seramai 21 orang lelaki dan 9 orang responden wanita.

Manakala bagi skop kajian yang kedua pula adalah masyarakat setempat. Dalam kajian yang telah dijalankan, penyelidik hanya memilih ketua isi rumah (lelaki) yang hadir ke Surau An-Najjah sahaja. Hal ini kerana, penyelidik hanya membuat perhatian (ke atas masyarakat setempat khususnya ketua isi rumah) tanpa mentadbir sebarang borang soal selidik. Walau bagaimanapun, dalam mendapatkan maklumat tentang penerimaan penduduk kampung terhadap aktiviti Jemaah Tabligh, maka penyelidik telah menjalankan temubual bersemuka tidak berstruktur ke atas penduduk kampung tersebut.



1.6. Konsep Kajian

Di dalam kajian yang telah dijalankan, terdapat empat konsep utama yang digunakan. Hal ini bagi memberikan kefahaman yang jelas kepada penyelidik tentang isu yang akan dikaji. Konsep kajian juga dapat menerangkan keseluruhan skop dan fokus kajian. Di antara konsep utama kajian ini adalah seperti berikut:

1.6.1. Konsep Agama

Menurut Mohd. Taib Osman (1989 : 146), agama adalah salah satu terminologi yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit di mana ia tidak hanya merujuk kepada

keyaan yang dikongsi bersama oleh
embentuk satu persepaduan yang sama. Agama boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, agama *universal* dan agama rakyat (*folk*). Agama *universal* merujuk kepada agama besar dan tersebar luas daripada tempat asalnya. Ia mempunyai sifat dakwah (*evangelistic*) dan di antara cirinya ialah mempunyai kaitan dengan tatasusila (*moral code*). Sementara agama *folk* pula merujuk kepada agama yang dianuti oleh ahli kumpulan tertentu sahaja dan ia tidak tersebar keluar daripada komuniti asal. Tidak timbul isu tatasusila dalam agama *folk* kerana kehendak kuasa luar biasa lebih utama bagi mereka (Mohd. Taib Osman, 1989 : 146-147).

Manakala, bagi Tylor (1875) agama adalah suatu kepercayaan kepada kuasa luar biasa (Mohd. Taib Osman, 1989 : 148). Kepercayaan yang tidak berdasarkan kuasa luar biasa tidak boleh ditakrifkan sebagai agama walaupun perlakuan yang terlibat menyerupai perlakuan agama. Seterusnya bagi Geerts (1965), agama adalah

suatu sistem kepercayaan yang seolah-olah dipercayai benar sebagai suatu realiti dalam hidup (Mohd. Taib Osman, 1989 : 149 - 150).

Maka, dapatlah dilihat bahawa wujud pelbagai penafsiran ke atas konsep agama dan kadang kala ia saling bertentangan. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa agama adalah satu sistem kepercayaan yang selalunya melibatkan pemujaan dan penyembahan kepada kuasa *supernatural*. Agama juga memberikan satu tanggapan ketertiban terhadap kewujudan alam. Selain itu, agama juga akan menjadi teras kepada pandang dunia (*world view*) pengikutnya (McGuire, 1997 : 12-14).

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan oleh para sarjana Sosiologi dan Antropologi berhubung konsep organisasi sosial. Misalnya menurut Barnard (1938), organisasi sebagai kuasa yang dipegang oleh seorang atau lebih dalam sesuatu pentadbiran (Scott, 2003 : 26). Setiap aktiviti atau perlakuan dalam organisasi adalah dijangka dan disedari oleh setiap ahlinya di mana ia bersifat teratur, bermatlamat dan selaras (Scott, 2003 : 26). Manakala bagi Etzioni (1964), organisasi sosial adalah merujuk kepada kumpulan yang terbentuk untuk mencapai matlamat yang berterusan. Ia merupakan unit sosial atau satu kumpulan manusia yang dengan sengaja telah membentuk matlamat untuk dicapai (Scott, 2003 : 26).

Seterusnya, bagi sarjana yang melihat organisasi sosial dari kaca mata bidang Antropologi seperti Abdullah Taib (1985 : 226 - 229), organisasi sosial dilihat sebagai kumpulan yang terdiri daripada seorang dan lebih individu. Pembentukannya adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti matlamat, kepentingan bersama,

tekanan (*oppression*), dan wujudnya *sense of belonging* dalam diri setiap individu yang mewakili sesebuah organisasi sosial (Abdullah Taib, 1985 : 229).

1.6.3. Tanggapan Sosial (*Social Expectation*)

Tanggapan sosial, juga disebut sebagai persepsi, jangkaan dan pandangan. Menurut Berry (1993), tanggapan sosial adalah satu konsep sosial yang mana ia terbentuk atau dibentuk oleh persekitaran (Rahimah Abdul Aziz, 1993 : 49). Misalnya media massa, ia dilihat sebagai agen penentu terhadap sesuatu pandangan atau tanggapan yang diberikan oleh seseorang individu dalam sesebuah masyarakat. Media massa membentuk pemikiran, tanggapan dan tingkah laku individu yang mewakili

kepada pandang dunia penganutnya. Proses kefahaman terhadap sesuatu peristiwa dan fenomena sosial dipelajari secara langsung mahupun tidak langsung sehinggakan ia membentuk persepsi tertentu dalam anggota masyarakat (Rahimah Abdul Aziz, 1993 : 49 - 51). Manakala bagi Cheu Hock Tong (1982 : 102), tanggapan sosial merujuk kepada satu corak pemikiran mengenai suatu perkara yang abstrak atau tidak nyata, seperti agama dan kepercayaan.

Seterusnya menurut Mohd Redzuwan & Badlihisham (2003 : 104), tanggapan sosial atau lazimnya dipanggil sebagai persepsi adalah merujuk kepada satu proses di mana seseorang individu memilih, menyusun dan menginterpretasikan ransangan yang wujud dalam persekitarannya kepada satu gambaran yang tersusun dan member erti kepada individu tersebut. Selain itu, persepsi atau tanggapan sosial juga dipengaruhi oleh umur, jantina, pendidikan, ekonomi, tempat tinggal, agama dan personaliti (Mohd Redzuwan & Badlihisham, 2003 : 104).

Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa tanggapan atau persepsi terhadap norma dan nilai yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat adalah terbentuk melalui proses sosialisasi yang kadang kala tidak disedari oleh individu dalam masyarakat itu sendiri. Istilah baik, buruk, cantik dan hodoh timbul rentetan daripada tanggapan yang telah dibentuk menerusi sistem nilai masyarakat.

1.6.4. Konsep Jemaah Tabligh.

Dari segi epistemologi, perkataan 'tabligh' adalah berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud menyampaikan. Ia juga merujuk kepada salah satu sifat-sifat Rasul (*messenger in Islam*) yang wajib dipercayai (Dusuki Ahmad, 1980 : 330). Manakala, dari segi makna yang lebih subjektif, tabligh adalah merujuk kepada satu perjuangan untuk menyebarkan agama. Konsep ini merupakan salah satu istilah yang digunakan oleh sesiapa sahaja (individu atau organisasi) yang menyampaikan ajaran agama Islam. Selain itu, ia juga merujuk kepada simbolik jemputan ke suatu majlis yang bersifat kebajikan (Dusuki Ahmad, 1980 : 330).

Manakala, menurut Der Veer (1992 : 552) Jemaah Tabligh adalah merupakan satu pergerakan dakwah Islam (*Islamic movement*) yang diasaskan oleh Hazrat Maulana Muhammad Ilyas (1885-1944) pada sekitar tahun 1934 di daerah Mewat, New Delhi, India. Ia adalah satu pergerakan dakwah Islam yang membawa mesej perjuangan untuk meningkatkan pengetahuan dan amalan agama Islam di kalangan komuniti Muslim (Der Veer, 1992 : 552).



1.7. Metod Kajian

Metod kajian adalah merujuk kepada kaedah pengumpulan data atau maklumat yang digunakan di dalam sesebuah penyelidikan. Ia boleh berbentuk seperti borang soal selidik, kaedah temubual dan pemerhatian (Sabitah Marican, 2005 : 119). Maka, di dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan empat kaedah pengumpulan data, di antaranya berbentuk penyelidikan perpustakaan, kaedah soal selidik dan temubual bersemuka serta kaedah pemerhatian turut serta.

1.7.1. Kaedah Temubual Bersemuka

Temubual bersemuka adalah satu situasi yang mana penemubual akan bertanya soalan secara bersemuka (*face to face interview*). Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu temubual berstruktur dan temubual tidak berstruktur (Sidek Mohd Noah, 2002 : 76). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan temubual berstruktur atau terpiawai. Seramai 14 orang informan telah dipilih dalam temubual bersemuka. Pembahagian informan adalah seperti di dalam Jadual 1.1., berikut :

Jadual 1.1 : Informan Yang Terlibat Dalam Temubual Bersemuka.

Informan	Bilangan
Pengerusi JKKK Kampung	1 orang
Pegawai Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) (Bahagian Dakwah dan Bahagian Pendidikan)	2 orang
Ketua Jemaah Tabligh Kg. Desa Pahlawan	1 orang
Ketua (Ahli Jawatankuasa) Jemaah Tabligh Kg. Desa Pahlawan	5 orang
Ahli Biasa (Kg. Desa Pahlawan)	5 orang
Jumlah keseluruhan	14 orang

1.7.2. Borang Soal Selidik

Kaedah pengumpulan data yang seterusnya adalah menerusi borang soal selidik. Menurut Sabitha Marican (2005 : 183 - 188), soal selidik adalah salah satu kaedah pengumpulan data yang sering digunakan di dalam bidang sains sosial. Ia dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu soalan terbuka (*open-ended question*) dan soalan tertutup (*close-ended question*). Maka di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kedua-dua bentuk borang soal selidik. Bagi soalan yang berbentuk tertutup, penyelidik mengkhususkannya untuk bahagian latar belakang dan maklumat peribadi responden sahaja. Manakala, bagi borang soal selidik yang berbentuk terbuka pula, soalan yang dibina adalah lebih bertumpu kepada isu penglibatan, peranan, pengalaman dan penerimaan yang diterima oleh ahli-ahli Jemaah Tabligh. Sebanyak 30 set borang soal selidik telah diedar ke atas ahli-ahli Jemaah Tabligh di Kampung Desa Pahlawan.

Di dalam mentadbir borang soal selidik tersebut, penyelidik telah memilih sampel menerusi kaedah pemilihan sampel secara *snowball sampling*. Menurut Sabitha Marican (2005 : 107), persampelan secara *snowball* atau bola salji sesuai digunakan untuk mengkaji sesuatu fenomena sosial yang agak kompleks dan sukar. Apa yang dimaksudkan di sini adalah, responden yang hendak dicari dan dipilih sukar didapati tanpa ada kenalan rapat yang boleh menghubungkan di antara penyelidik dengan sampel kajian. Kaedah ini lazim digunakan bagi menjalankan kajian seperti kemiskinan, setinggan, penagih dadah, pelacur, pendatang haram dan sebagainya. Menerusi kaedah ini, penyelidik telah menggunakan beberapa orang kenalan yang mencadangkan seseorang responden yang lain untuk ditemu bual (Sabitha Marican, 2005 : 107).

1.7.3. Pemerhatian Turut Serta

Di antara kaedah pengumpulan data lazim dilakukan adalah secara pemerhatian. Sabitha Marican (2005 : 136) menyatakan bahawa kaedah pemerhatian turut serta adalah merujuk kepada satu situasi di mana semua peristiwa semulajadi dipilih, dicatat, dan dikod ke dalam unit-unit yang bermakna dan dihurai serta dianalisis oleh penyelidik yang turut sama berada di lapangan. Penyelidik juga akan terlibat secara langsung dalam suasana kajian tersebut. Maka dalam kajian yang telah dijalankan, penyelidik telah tinggal bersama-sama ahli-ahli Jemaah Tabligh selama sepuluh hari. Manakala, untuk mendapatkan data atau maklumat daripada penduduk setempat, penyelidik telah menjalankan pemerhatian ke atas mereka (khususnya ketua isi rumah yang bersembayang di Surau An-Najjah) selama sebulan.

1.7.4. Penyelidikan Perpustakaan

Di antara kaedah yang lazim dilakukan oleh seseorang penyelidik sebelum turun ke lapangan adalah melakukan penyelidikan di perpustakaan. Hal ini bagi mendapatkan pengetahuan yang jelas tentang sesuatu isu yang ingin dikaji. Maka, penyelidik juga menggunakan metod ini sebagai salah satu kaedah pengumpulan data. Melalui kaedah ini, penyelidik merasakan bahawa pemahaman yang luas diperolehi di samping dapat memperolehi sumber rujukan yang akan dijadikan sebagai sorotan kajian lepas. Beberapa perpustakaan telah dikunjungi seperti Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakan Yayasan Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Maktab Gaya dan Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.



Rujukan.

Buku:

- Abdullah Taib. 1985. *Asas-asas Antropologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2008. Islamist Realignments and the Rebranding of the Muslim Youth Movement of Malaysia. *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 30 (20). Pp. 215-240.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunos & Badlihisham Mohd Masir. 2003. Persepsi Masyarakat India Terhadap Agama dan Komuniti Islam Taman Kajang Utama dan Taman West Country. *Islamiyat*. Vol.24. pp. 103-121.
- Alvin, Y. S. 1990. *Social Change and Development : Modernization, Dependency and World System Theories*. London : SAGE Publications.
- Amran Kasimin. 1993. *Agama dan Perubahan Sosial Di Kalangan Penduduk Asli Di Semenanjung Tanah Melayu (terj.)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andek Masnah Andek Kelawa. 1999. *Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Kedudukannya Dalam Islam*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmah Abdul Manaf. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Cheras : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Chandra Muzaffar. 1988. *Islamic Resurgence in Malaysia*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.
- Cheu Hock Tong. 1982. Tanggapan Keagamaan Serta Implikasinya dalam Hidup Sosial : Suatu kajian Komuniti Cina di Ampang, Selangor. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*. (10) : 91-118.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : McGraw Hill.
- David, B. 1993. *Idea-idea Utama Dalam Sosiologi : Satu Pengenalan (terj)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Der Veer, P.V. 1992. Playing or Praying : A Sufi Saint's day in Surat. *Journal of Asian Studies*. 51 (3) : 545 - 564.
- Dusuki Ahmad. 1980. *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ghazali Basri. 1999. *Gerakan Kristian*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Greeley, A.M. 1995. *Sociology and Religion*. New York : Harper Collins College Publishers.

- Horstmann, A. 2007. The Inculcation of a Transnational Islamic Missionary Movement : Tablighi Jamaat al-Dawa and Muslim Society in Sourthern Thailand. *Journal of Social Issues in Southeast Asia*. Vol. 22, (1). Pp. 107-130.
- Irfan Ahmad. 2005. Between Moderation and Radicalization: Transnational Interactions of Jamaat e-Islami of India. *Global Networks*. Vol.5.(3). pp.279-299.
- Jamaludin Tamjis. 1997. *Tariqat Khalidiyyah : Kajian Kes di Felda Ayer Hitam*. Tesis Diploma Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam, Institut Teknologi Tun Hussein Onn (tidak diterbitkan).
- Lukman Thaib. 1995. *Syura dan Aplikasinya Dalam Sistem Pemerintahan Masa Kini*. Kuala Lumpur : Elmen Sdn. Bhd.
- Mahayudin Hj. Yahaya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Hj. Yahaya. 2002. *Tamadun Islam (Edisi Kedua)*. Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- McGuire, M.B. 1997. *Religion The Social Context (4th Edition)*. Belmont : Wadsworth Publishing Company.
- Mohamed Asin Abdullah, Syamsul Amri Andi Galigo & Muhammad Yusuf Khalid. 2001. *Dakwah Kepada Masyarakat Cina : Kajian Perbandingan Antara Darul Fitrah di Malaysia, Darul Arqam di Singapura dan Yayasan Karim Oei di Indonesia*. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003. Anjuran Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohamed Yusoff Ismail. 1990. Buddhism Among the Siamese of Kelantan : Minority Religion in a Muslim State. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*. Vol. 18. Pp. 55-69.
- Mohd. Ismal Mustari (*et al.*). 2006. *Pemetaan Dakwah di Negeri Johor : Kajian Lokasi, Metodologi dan Pengaplikasiannya di Skudai, Kulai, Pasir Gudang dan Johor Bahru*. Projek Penyelidikan Pusat Pengajaran Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia (tidak diterbitkan).
- Mohd. Izani Mohd Zain. 2007. "Perang Atas Nama Agama". Majalah Dewan Masyarakat (Edisi Disember). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Pp. 48 – 49.
- Mohd. Radzi Othman & O.K. Rahmat. 1996. *Gerakan Pembaharuan Islam : Satu Kajian Kes Di Negeri Perlis Dan Hubungkaitnya Dengan Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Redzuwan Mohd Yunos & Badlihisham Mohd Nasir. 2003. Persepsi Masyarakat India Terhadap Agama dan Komuniti Islam Taman Kajang Utama dna Taman West Country. *Islamiyyat*. Vol.24 : 103-121.

- Mohd. Shukri Mohd Ariff. 2008. "Saya Dituduh Pengganas". Majalah Dewan Masyarakat (Edisi Ogos). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Pp. 37 - 47.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Osman Abdullah. 2003. The Problems of Mu'allaf in Malaysia. *Islamiyat*. Vol.24 : 65-84.
- Mohd. Taib Osman. 1989. *Masyarakat Melayu : Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur : DBP dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhamad Idris Abd Rauf. 1998. *Kamus Idris Al-Marbawi (Arab-Melayu)*. Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur : Prentice Hall.
- Satoru, K. 2005. An Ethnographic Study on the Reconstruction of Buddhist Practice in Two Cambodian Temples : With the Special Reference to Buddhist Samay and Boran. *Southeast Asian Studies*. Vol. 42. (4). Pp. 489-518.
- Scott, W.R. 2003. *Organisations : Rational, Natural and Open System (5th Edition)*. New Jersey: Prentice Hall.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sikand, Y. 1999. Women and the Tablighi Jamaat. *Islam and Christian Muslim Relation*. Vol. 10. (1). Pp. 41-52.
- Sikand, Y. 2006. The Tablighi Jamaat and Politics : A Critical Re-Appraisal. *The Muslim World*. Vol. 96. Pp. 175-194.
- Turner, J.H, Beeghley, L. & Powers, C. H. 1998. *The Emergence of Sociological Theory (4th Edition)*. Belmont : Wadsworth Publishing Company.
- White, J.R. 2003. Terrorism : An Interdisciplinary Perspective. In Alejandro del Carmen (eds.). *Terrorism : An Introduction (3rd Edition)*. Canada : Wadsworth.
- Yoneo Ishii. 1993. *Sejarah Sangha Thai : Hubungan Buddhisme Dengan Negara dan Masyarakat (terj.)*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidah Mustapha. 1985. Is Pingit a Variation of Purdah? An Ethnographic Study On The Loloan Muslims in Bali. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*. Jld 3 : 65-81.
- Zainah Anwar. 1987. *Islamic Revivalism In Malaysia : Dakwah Among The Students*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications.

Akhbar :

Berita Harian 6 Disember 2004. 4 juta sertai ijtimak Tabligh di Bangladesh

Berita Harian 1 Mac 1991. Arqam, Tabligh tetap diharam

Berita Harian 18 Mac 1992. Kerajaan kaji kesan pergerakan Tabligh

Responden yang ditemubual :

Ustaz Jamaludin bin Tamjis. 47 tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Pengerusi JKKK dan Imam (I) Surau An-Najjah. 23 November 2008.

Ustaz Jamaludin bin Tamjis. 47 tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Pengerusi JKKK dan Imam (I) Surau An-Najjah. 28 November 2008.

Hj. Kohar bin Suhaimi. 47 tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemaah Tabligh Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam. 28 November 2008.

Ustaz Yunos. 55 Tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. AJK Jemah Tabligh Kg. Desa Pahlawan. Temubual, 28 November 2008.

Hj. Kohar bin Suhaimi. 47 tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemaah Tabligh Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam. 29 November 2008.

Ustaz Yunos. 55 Tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. AJK Jemah Tabligh Kg. Desa Pahlawan. 29 November 2008.

Responden Wanita. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemah Tabligh Kg. Desa Pahlawan. Temubual 29 November 2008.

Bekas Ahli Jemaah Tabligh. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. 29 November 2008.

En.Zahar Ghani. 41 Tahun. Taman Sri Kluang, Johor. Zumindar Halakah Jemaah Tabligh Daerah Kluang Utara. 30 November 2008.

Ustaz Jamaludin bin Tamjis. 47 tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor.
Pengerusi JKKK dan Imam (I) Surau An-Najjah. 30 November 2008.

Responden remaja. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemah Tabligh
Kg. Desa Pahlawan. 30 November 2008.

Responden Universiti. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemah
Tabligh Kg. Desa Pahlawan. 30 November 2008.

Responden Wanita. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemah Tabligh
Kg. Desa Pahlawan. 30 November 2008.

Hj.Samsuri bin Ihsan. 58 Tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor.
Zumindar Kg. Desa Pahlawan. Zumindar Marhalah Kg. Desa Pahlawan. 1
Disember 2008.

Hj. Kohar bin Suhaimi. 47 tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli
Jemaah Tabligh Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam. 1 Disember 2008.

Responden Wanita Remaja. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemah
Tabligh Kg. Desa Pahlawan. 1 Disember 2008.

Ahli Jemaah Tabligh. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemah
Tabligh Kg. Desa Pahlawan. 3 Disember 2008.

Ustaz Jamaludin bin Tamjis. 47 tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor.
Pengerusi UMNO Cawangan Desa Pahlawan Ayer Hitam. 2 Disember 2008.

Abd. Razak bin Abd Aziz. 27 Tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli
Jemaah Tabligh. 4 Disember 2008.

Ahli Jemaah Tabligh. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemah
Tabligh Kg. Desa Pahlawan. 4 Disember 2008.

Ahli Jemaah Veteran. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemah
Tabligh Kg. Desa Pahlawan. 5 Disember 2008.

Orang Kampung (1). Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. 5 Mei 2008.

Responden. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Ahli Jemah Tabligh Kg. Desa Pahlawan. 6 Disember 2008.

Orang kampung (2). Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. 9 Disember 2008.

Hj. Samsuri bin Ihsan. 58 Tahun. Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. Zumindar Kg. Desa Pahlawan. 12 Disember 2008.

Orang Kampung (3). Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. 14 Disember 2008.

Orang Kampung (4). Kampung Desa Pahlawan, Ayer Hitam Johor. 15 Disember 2008.

